



BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL

MS ISO 15189:2022

MAKMAL PATOLOGI ORAL HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Disediakan oleh:	Pn. Noor Hazrita Che Teh
Diluluskan oleh:	Dr. Masitah Hayati Harun
Tarikh edisi:	02.08.2026

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	i
	Edisi	3

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT	PERKARA
i	Isi Kandungan
1-2	1.0 Pengenalan 1.1 Lokasi Makmal Patologi Oral 1.2 Legal Entiti
3	2.0 Polisi Kualiti MS ISO 15189 2.1 Objektif Kualiti Makmal Perubatan Hospital Pakar USM 2.2 Petunjuk Kualiti Makmal Patologi Oral
4	3.0 Perkhidmatan Makmal Patologi Oral 3.1 Waktu Operasi
5	4.0 Maklumbalas Pelanggan dan Kajian Kepuasan Pelanggan 4.1 Nombor untuk dihubungi
6 - 7	5.0 Panduan Pengambilan dan Pengendalian Spesimen 5.1 Tatacara Pengambilan Spesimen Biopsi Tisu bagi Ujian Histopatologi 5.2 Tatacara Pengambilan Spesimen Sitologi Eksfoliatif Oral
8	6.0 Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi
9	7.0 Kriteria Penerimaan dan Penolakan Spesimen 7.1 Kriteria Penerimaan Spesimen 7.2 Kriteria Penolakan Spesimen
10 - 11	8.0 Laporan 8.1 Laporan Histopatologi 8.2 Pengeluaran <i>Supplementary</i> dan <i>Revise Report</i> 8.3 <i>Clinico-Pathological Conference</i> (CPC) 8.4 Pinjaman/Rujukan untuk Slaid/Blok Histopatologi, Laporan dan Data Pesakit serta Imej Fotomikrograf
12 - 15	9.0 Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi LIS
16 - 17	10.0 Tatacara Pembatalan Permohonan Ujian Histopatologi LIS
18 - 19	11.0 Tatacara Semakan Laporan Histopatologi
20	12.0 Carta Alir Proses Kerja Makmal Patologi Oral

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	1 / 20
	Edisi	3

1.0 PENGENALAN

Makmal Patologi Oral telah ditubuhkan pada tahun 2013. Pada awal penubuhannya, makmal ini dikenali sebagai **Makmal Sains Kraniofasial (MSK)** yang merangkumi dua komponen utama, iaitu **perkhidmatan diagnostik patologi oral** dan **penyelidikan**.

Bermula pada tahun 2013, komponen **perkhidmatan diagnostik patologi oral** telah diwujudkan secara berasingan di bawah sistem pengurusan kualiti yang baharu dan seterusnya dikenali sebagai **Makmal Patologi Oral (MPO)**. Pada ketika itu, komponen penyelidikan pula kekal di bawah **Makmal Sains Kraniofasial (MSK)**.

Pada tahun **2026**, struktur Makmal Patologi Oral telah diperkasakan dengan penggabungan dua komponen utama di bawah satu pengurusan makmal, iaitu:

1. **Perkhidmatan Diagnostik Patologi Oral**; dan
2. **Penyelidikan Patologi Oral**.

Selaras dengan penstrukturan tersebut, **komponen penyelidikan patologi oral telah disusun semula daripada Makmal Sains Kraniofasial (MSK) dan diletakkan di bawah Makmal Patologi Oral**. Oleh itu, mulai tahun 2026, Makmal Patologi Oral berfungsi sebagai satu entiti yang merangkumi kedua-dua **perkhidmatan diagnostik patologi oral serta aktiviti penyelidikan patologi oral**.

Perkhidmatan Diagnostik Patologi Oral yang ditawarkan sejak penubuhannya ialah perkhidmatan *Histopathological Examination* (HPE) dan merupakan sebahagian daripada perkhidmatan makmal perubatan HPUSM. Makmal Patologi Oral telah menerima akreditasi MS ISO 15189 daripada Jabatan Standard Malaysia (DSM) sejak tahun 2014 dan berjaya mengekalkan persijilan ini sah sehingga tahun 2030.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	2 / 20
	Edisi	3

1.1 LOKASI MAKMAL PATOLOGI ORAL

Makmal Patologi Oral terletak di **Aras 1, Pusat Pengajian Sains Pergigian (PPSG), Universiti Sains Malaysia (USM), Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan.**

Makmal ini beroperasi di **ruangan Makmal Utama, Makmal Sains Kraniofasial (MSK)**, yang menempatkan kemudahan dan ruang kerja bagi menjalankan aktiviti perkhidmatan diagnostik serta penyelidikan Patologi Oral.



Sebarang urusan surat-menyurat boleh dihantar ke alamat berikut:

Makmal Patologi Oral
Pusat Pengajian Sains Pergigian
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan
16150 Kubang Kerian
Kelantan, Malaysia

1.2 LEGAL ENTITI

Hospital Pakar USM (termasuk rangkaian makmal-makmal perubatan) adalah merupakan Hospital Kerajaan di bawah bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Malaysia.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	3 / 20
	Edisi	3

2.0 POLISI KUALITI MS ISO 15189

“Makmal Perubatan Hospital Pakar USM bertekad untuk mengamal nilai profesionalisma demi memastikan tahap perkhidmatan makmal memenuhi kehendak pelanggan mengikut tahap antarabangsa. Makmal Perubatan Hospital Pakar USM juga beriltizam untuk mengamal dan sentiasa menambahbaik sistem pengurusan ke arah kecemerlangan perkhidmatan dan kesejahteraan pelanggan”

“The Hospital Pakar USM medical laboratories are committed to practice good professionalism and ensure the standard of laboratory services satisfies the expectation of customers in accordance with the international standard. The laboratories pledge to maintain and continually improve its management system in order to ensure excellence in the provision of laboratory services and patients safety”

2.1 OBJEKTIF KUALITI MAKMAL PERUBATAN HOSPITAL PAKAR USM

BIL	QUALITY OBJECTIVES	EFFECTIVE DATE
1	Each laboratory shall pass at least 80% achievement of their rejection rate monitoring according to their quality indicator	01.03.2024
2	Each laboratory shall pass at least 80% achievement of their TAT monitoring according to their quality indicator	01.03.2024
3	At least 80% of participations in proficiency testing (external quality assurance) are satisfactory for all accredited scope	01.03.2024

2.2 PETUNJUK KUALITI MAKMAL PATOLOGI ORAL

BIL	PROSES	PETUNJUK KUALITI
1	Pre-examination	Bilangan sampel yang ditolak kurang daripada 10%
2	Examination	Pencapaian skor bagi ujian EQA (RCPQAP - <i>technical module</i>) tidak kurang daripada 2.5
3	Post-examination	80% daripada keseluruhan keputusan ujian histopatologi dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut: a. Kes rutin (biasa) dalam tempoh 9 hari bekerja b. Kes rutin (rumit) dalam tempoh 19 hari bekerja c. Kes segera (biasa) dalam tempoh 4 hari bekerja d. Kes segera (rumit) dalam tempoh 14 hari bekerja

Nota:

- i. Kes rumit merupakan kes surgikal atau yang melibatkan prosedur tambahan seperti hirisan bersiri, dekalsifikasi, pewarnaan khas, pewarnaan imunohistokimia, memerlukan *second opinion* dan kes rujukan dari luar Hospital Pakar USM.
- ii. Pewarnaan Khas dan Imunohistokimia dilakukan di Makmal Patologi, Hospital Pakar USM. Hanya pewarnaan PAS dijalankan di MPO. *Turnaround time* bagi pewarnaan PAS adalah sama seperti kes HPE.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	4 / 20
	Edisi	3

3.0 PERKHIDMATAN MAKMAL PATOLOGI ORAL

Makmal Patologi Oral memberikan perkhidmatan diagnostik seperti berikut:- **FIELD OF MEDICAL**

TESTING: HISTOPATHOLOGY (ORAL PATHOLOGY) SCOPE OF ACCREDITATION:

<i>Specimen Tested</i>	<i>Type of Tests / Properties Measured</i>	<i>Test Method, Specification / Equipment / Techniques Used</i>
<i>Surgical Oral Pathology (Formalin Fixed)</i>	<i>Histology Examination (Routine HPE)</i>	<i>Specimen Preparing and Staining as Documented in HPUSM/OPATH/QP-02 and HPUSM/OPATH/QP-02/STM-01</i>

TESTING: HISTOPATHOLOGY (ORAL PATHOLOGY) NON- SCOPE OF ACCREDITATION:

<i>Specimen Tested</i>	<i>Type of Tests / Properties Measured</i>	<i>Test Method, Specification / Equipment / Techniques Used</i>
<i>Oral Exfoliative Cytology</i>	<i>Cytological Examination – PAS Staining</i>	<i>PAS staining of oral smear specimens as documented in HPUSM/OPATH/QP-02/STM-02</i>

Perkhidmatan diagnostik disediakan kepada pesakit yang dirawat di Hospital Pakar USM meliputi unit dan klinik seperti berikut:

- Klinik Pakar Pergigian (KPP-G)
- Klinik Rawatan Keluarga (Pergigian) (KRK-G)
- Klinik Pembelajaran Pergigian (Poliklinik A,B,C,D, klinik pascasiswazah)
- Bilik bedah (OT), wad, USAINS dan klinik-klinik lain dalam Hospital Pakar USM

Caj ujian yang ditawarkan adalah berdasarkan kadar dan ketetapan yang ditetapkan oleh **Bendahari Hospital Pakar USM**.

3.1 WAKTU OPERASI:

Hari Ahad sehingga Rabu	8.10 pagi - 5.10 petang
Hari Khamis	8.10 pagi - 3.40 petang
Hari Jumaat, Sabtu, cuti umum dan kelepasan am*	Tutup

Nota:

Penetapan cuti umum dan hari kelepasan am adalah tertakluk kepada pekeliling serta ketetapan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia dari semasa ke semasa.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	5 / 20
	Edisi	3

4.0 MAKLUMBALAS PELANGGAN DAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Segala pertanyaan, aduan dan cadangan daripada pesakit atau pengguna perkhidmatan makmal boleh dibuat secara bertulis atau lisan dengan menggunakan borang **Borang Maklumbalas Pelanggan (HPUSM/LCD/QP- 08/R1)**, e-mel atau telefon kepada Penyelaras Makmal Makmal Patologi Oral sebagaimana berikut:

Alamat Penyelaras Makmal
Makmal Patologi Oral
Pusat Pengajian Sains Pergigian
Universiti Sains Malaysia Kampus Kesihatan
16150 Kubang Kerian
Kelantan, Malaysia

Telefon 09-767 5780 / 5781

Email patooral.usm@gmail.com

Pengguna perkhidmatan makmal boleh memperolehi Borang Maklumbalas Pelanggan di kaunter MPO atau cetak dari laman web Makmal Patologi Oral di pautan link <https://dental.usm.my/index.php/en/dental-services/oral-pathology-laboratory> . Borang perlu diserahkan kembali kepada pihak makmal untuk tindakan penambahbaikan perkhidmatan dan dokumentasi. Makluman berkenaan tindakan yang diambil oleh pihak makmal ke atas segala pertanyaan, aduan dan cadangan hanya akan diberikan kepada pengadu yang memberikan butiran lengkap. Sebarang pertanyaan, aduan dan cadangan yang tiada pengenalan diri tidak akan dilayan.

Kajian Kepuasan Pelanggan Makmal Patologi Oral dilakukan secaraedaran borang oleh Pegawai Maklumbalas Pelanggan.

Pegawai Aduan Pelanggan
Pn. Noor Hazrita Che Teh
No. Telefon: 09-7675780/5781
Email: noorhazrita@usm.my

4.1 NOMBOR UNTUK DIHUBUNGI

Pakar Patologi Mulut

NAMA	EMAIL	TELEFON
Dr. Masitah Hayati Harun	masitahh@usm.my	09 - 767 5813
Dr. Nurhayu Ab Rahman	nurhayu@usm.my	09 - 767 5816
Dr. Norhaslina Mohd Rokemi	haslinakemi@usm.my	09 - 767 5858

Kaunter penerimaan spesimen Makmal : 09 - 767 5780

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	6 / 20
	Edisi	3

5.0 PANDUAN PENGAMBILAN DAN PENGENDALIAN SPESIMEN

5.1 TATACARA PENGAMBILAN SPESIMEN BIOPSI TISU BAGI UJIAN HISTOPATOLOGI

- Lakukan pemeriksaan menyeluruh secara *extraoral* dan *intraoral* sebelum menjalankan prosedur biopsi tisu.
- Rekodkan semua penemuan klinikal, termasuk *Pulp Sensibility Test*, radiografi seperti PA, BW, DPT, CT-Scan, MRI dan CBCT, serta keputusan makmal yang berkaitan.
- Lengkapkan *Clinical/Provisional Diagnosis* dan semua maklumat klinikal yang berkaitan dalam ruangan yang disediakan pada *Oral Pathology Request Form (OPRF)*.
- Dapatkan kebenaran bertulis daripada pesakit selepas menerangkan penemuan diagnosis klinikal dan tujuan biopsi. Terangkan kepada pesakit semua risiko dan komplikasi yang mungkin berlaku akibat prosedur, termasuk pendarahan, bengkak, kecederaan saraf dan komplikasi lain yang berkaitan.
- Elakkan mencucuk anestetik setempat secara terus ke dalam lesi kerana tindakan tersebut boleh menyebabkan perubahan pada tisu atau sel dan seterusnya mempengaruhi ketepatan diagnosis.
- Pegang tisu menggunakan benang sutur atau *non-toothed tissue forceps* bagi mengelakkan *crush artifact*. Elakkan penggunaan elektrokauteri semasa mengambil biopsi tisu kerana tindakan tersebut boleh menyebabkan *coagulative necrosis artifact* pada spesimen biopsi.
- Ambil sampel biopsi dengan saiz yang mencukupi bagi memastikan jumlah tisu yang mencukupi untuk proses pemprosesan dan pelaporan histopatologi.
- Lakukan *multiple site biopsy* bagi lesi yang besar atau tidak homogen. Masukkan setiap spesimen ke dalam bekas yang berasingan dan labelkan setiap bekas dengan jelas.
- Masukkan spesimen ke dalam bekas spesimen yang mengandungi 10% *buffered formalin* dengan nisbah 1 bahagian tisu :10 bahagian formalin. Gunakan bekas spesimen yang bersesuaian dengan saiz tisu dan pastikan spesimen terendam sepenuhnya dalam larutan formalin.
- Masukkan bekas spesimen ke dalam beg biohazard dan pastikan beg ditutup rapat. Hantar spesimen ke makmal dengan segera bersama-sama borang permohonan ujian yang lengkap.

Langkah keselamatan:

Patuhi semua garis panduan keselamatan semasa mengumpul dan mengendalikan spesimen biologi. Pakai sarung tangan, cermin mata keselamatan atau pelindung muka serta kot makmal yang bersesuaian sepanjang prosedur

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	7 / 20
	Edisi	3

5.2 TATACARA PENGAMBILAN SPESIMEN SITOLOGI EKSFOLIATIF ORAL

Panduan ini menyediakan prosedur langkah demi langkah untuk penyediaan *Oral Smear* bagi mengenal pasti spesies *Candida*, yang sering dikaitkan dengan kandidiasis oral. Prosedur ini sesuai untuk kegunaan klinikal dan makmal.

Prosedur:

- Gunakan slaid kaca baharu dan bersih. Labelkan nama pesakit, nombor pendaftaran (RN) dan lokasi calitan pada bahagian hujung *frosted* slaid menggunakan pensil. Pastikan semua maklumat pada slaid sepadan dengan maklumat pada borang permohonan pemeriksaan.
- Minta pesakit berkumur terlebih dahulu untuk menghilangkan sisa dalam rongga mulut. Gunakan spatula atau putik kapas steril untuk mengikis lesi secara perlahan bagi mendapatkan sampel yang mencukupi.
- Pindahkan bahan yang telah dikumpulkan ke atas slaid kaca dan ratakan secara sekata untuk menghasilkan calitan yang nipis.
- Biarkan calitan kering di udara pada suhu bilik selama 15 minit.
- Fiksasikan calitan dengan merendam slaid dalam 95% Alkohol selama 10 minit. Selepas fiksasi, biarkan slaid kering di udara sebelum memasukkannya ke dalam pemegang slaid.
- Masukkan spesimen ke dalam beg biohazard dan pastikan beg ditutup rapat. Hantar spesimen ke makmal dengan segera bersama-sama borang permohonan ujian yang lengkap.

Langkah keselamatan:

Patuhi semua garis panduan keselamatan semasa mengumpul dan mengendalikan spesimen biologi. Pakai sarung tangan, cermin mata keselamatan atau pelindung muka serta kot makmal yang bersesuaian sepanjang prosedur

Nota:

Pihak makmal membekalkan *Oral Smear Kit* kepada klinik. Sekiranya mana-mana item atau reagen telah mencapai paras stok minimum, staf klinik boleh mendapatkan bekalan tambahan daripada pihak makmal.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	8 / 20
	Edisi	3

6.0 TATACARA PERMOHONAN UJIAN HISTOPATOLOGI

- a) Buat permohonan ujian secara dalam talian melalui sistem **Laboratory Information System (LIS) @ Hospital Pakar USM** (<https://onelabcentre.kk.usm.my>). Sila rujuk Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi melalui LIS pada muka surat 12–15 untuk panduan lengkap.
- b) Sertakan borang permohonan yang telah dilengkapkan sepenuhnya bersama setiap spesimen yang dihantar untuk ujian di Makmal Patologi Oral. Bagi borang yang dijana melalui LIS, tandatangan dan cop pemohon tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, bagi permohonan yang menggunakan borang manual, pemohon hendaklah melengkapkan borang tersebut dengan tandatangan dan cop pemohon.
- c) **Bagi Kes Segera dan Kes USAINS:**
 - i. Hanya **doktor yang merawat** boleh membuat permohonan bagi kes segera dan kes USAINS. Doktor yang merawat hendaklah **memaklumkan kes tersebut kepada Pakar Patologi Mulut yang bertugas terlebih dahulu**.
 - ii. Bagi **kes segera**, pemohon hendaklah memilih **‘Type of Case – Urgent’** dalam LIS. Pemohon juga hendaklah mencatatkan **nama Pakar Patologi Mulut yang telah dihubungi, tarikh dan masa permohonan** pada borang OPRF. **Makmal tidak akan mengklasifikasikan spesimen sebagai kes segera sekiranya maklumat tersebut tidak lengkap.**
 - iii. Bagi **kes USAINS**, pemohon hendaklah mencatatkan **nama Pakar Patologi Mulut yang telah dihubungi, tarikh dan masa permohonan** pada borang OPRF, walaupun pemohon memilih **‘Type of Case – Routine’** dalam LIS.

Nota:

- i. Sekiranya berlaku kegagalan sistem LIS, pemohon boleh membuat permohonan **secara manual** menggunakan *Oral Pathology Request Form (OPRF)*, **RM 046/03/24 (P2)**. Pemohon boleh mendapatkan borang OPRF di **kaunter klinik atau muat turun borang dari sistem Laboratory Information System (LIS) @ Hospital Pakar USM**.
- ii. Makmal akan memberikan **keutamaan kepada semua kes segera dan kes USAINS pada setiap peringkat proses**, termasuk penerimaan spesimen, pemprosesan dan pengeluaran laporan keputusan histopatologi.
- iii. **Pakar Patologi Mulut sahaja** dibenarkan menyampaikan laporan keputusan secara lisan kepada **doktor yang merawat**. Staf daripada kategori lain **tidak dibenarkan menerima laporan lisan tersebut** bagi mengelakkan kekeliruan dan kesilapan dalam penyampaian maklumat keputusan.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	9 / 20
	Edisi	3

7.0 KRITERIA PENERIMAAN DAN PENOLAKAN SPESIMEN

7.1 KRITERIA PENERIMAAN SPESIMEN

Pemohon ujian hendaklah melengkapkan maklumat berikut:

BORANG PERMOHONAN SPESIMEN	BEKAS SPESIMEN
a) Nama pesakit, tarikh lahir, etnik, RN, jantina, nombor telefon, nombor kad pengenalan (I/C), alamat dan unit/klinik. b) <i>Type of Case</i> c) <i>Previous Examination/diagnosis</i> d) <i>Clinical Information</i> e) <i>Clinical diagnosis</i> f) <i>Radiological Findings</i> g) <i>Intra Operative Findings/Tagging of Specimen</i> h) <i>Labelling of Specimen</i> i) <i>Examination Required</i> j) Nama <i>clinician</i> , No. MPM dan nombor telefon yang memohon	a) Nama pesakit b) RN c) Unit/klinik d) Label pada spesimen e) Jenis spesimen f) Jenis ujian dipohon g) Tarikh/masa spesimen diambil

7.2 KRITERIA PENOLAKAN SPESIMEN

- Tiada borang permohonan *Oral Pathology Request Form* (OPRF).
- Ujian tidak ditawarkan oleh makmal.
- Jenis ujian tidak dinyatakan.
- Maklumat pada borang permohonan dan bekas spesimen tidak diisi dengan lengkap.
- Identifikasi pesakit pada borang permohonan dan bekas spesimen tidak sama.
- Label spesimen pada borang permohonan dan bekas spesimen tidak sama.
- Fiksatif yang digunakan adalah salah.

Nota:

- Penolakan spesimen secara atas talian (LIS): JTMP mengisi borang penolakan di dalam LIS. Makluman perincian penolakan boleh dirujuk di dalam sistem Laboratory Information System (LIS) @ Hospital Pakar USM.
- Penolakan spesimen secara manual: JTMP mengisi borang HPUSM/OPATH/QP-01/R-05. Makluman perincian penolakan diberikan secara lisan. Kaedah ini hanya digunakan jika LIS mengalami kegagalan sistem.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	10 / 20
	Edisi	3

8.1 LAPORAN

8.1 LAPORAN KEPUTUSAN HISTOPATOLOGI

- Wad atau klinik boleh menyemak status laporan keputusan histopatologi dengan menghubungi pihak Makmal Patologi Oral di talian 09-767 5780 / 5781.
- Pihak wad atau klinik boleh mengakses laporan keputusan histopatologi secara dalam talian melalui sistem Laboratory Information System (LIS) @ Hospital Pakar USM setelah Pakar Patologi Mulut mengesahkan laporan tersebut. Sila rujuk Tatacara Semakan Laporan Keputusan Histopatologi pada muka surat 18–19.
- Pihak makmal akan mengeluarkan laporan keputusan histopatologi secara manual sekiranya berlaku kegagalan sistem. Wakil yang menerima laporan tersebut hendaklah menandatangani Buku Rekod Penghantaran Dokumen Berkaitan Makmal Patologi Oral (HPUSM/OPATH/QP-03/R-01) sebagai bukti penerimaan laporan.
- Doktor yang merawat bertanggungjawab menyimpan laporan keputusan histopatologi dalam folder pesakit jika perlu.

8.2 PENGELUARAN *SUPPLEMENTARY* DAN *REVISED REPORT*

Pihak makmal boleh mengeluarkan laporan tambahan sekiranya terdapat:

- Tambahan maklumat kepada laporan asal, contohnya keputusan ujian khas - *SUPPLEMENTARY REPORT*.
- Penemuan atau diagnosis baru yang dibuat setelah berlaku semakan semula kes, atau pindaan kepada laporan asal ekoran kesilapan pada laporan asal yang dikeluarkan sebelumnya - *REVISED REPORT*.

8.3 *CLINICO-PATHOLOGICAL CONFERENCE (CPC)*

Pihak klinikal boleh memohon CPC dengan menghubungi Pakar Patologi Mulut yang bertugas (rujuk Prosedur 4.1: *Nombor untuk Dihubungi*) serta memaklumkan cadangan tarikh, masa dan tempat CPC.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	11 / 20
	Edisi	3

8.4 PINJAMAN/RUJUKAN UNTUK SLAID/BLOK HISTOPATOLOGI, LAPORAN DAN DATA PESAKIT SERTA IMEJ FOTOMIKROGRAF

Staf, penyelidik luar atau pelajar boleh memohon pinjaman atau rujukan terhadap item berikut:

- i. Slaid/blok histopatologi;
- ii. Salinan laporan dan data pesakit; dan
- iii. Imej fotomikrograf.




Staf, penyelidik luar atau pelajar perlu menghubungi staf makmal dan melengkapkan borang permohonan yang berkaitan. Penyelaras/Pengarah Makmal perlu meluluskan setiap permohonan sebelum pihak makmal memprosesnya. Pengguna perkhidmatan makmal boleh memperolehi Borang berkenaan di kaunter MPO atau cetak dari laman web Makmal Patologi Oral di pautan link <https://dental.usm.my/index.php/en/dental-services/oral-pathology-laboratory>.

Nota:




- i. **Bagi pinjaman blok untuk tujuan penyelidikan**, pihak makmal membenarkan pinjaman maksimum **10 item** untuk tempoh **3 minggu**. Peminjam perlu memulangkan semua blok yang dipinjam sebelum membuat permohonan pinjaman baharu.
- ii. **Bagi permohonan salinan laporan dan data pesakit**, pihak makmal membenarkan permohonan maksimum **10 item** bagi setiap permohonan.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	12 / 20
	Edisi	3





9.0 Tatacara Permohonan Ujian Histopatologi LIS

1. Log in ke sistem menggunakan pautan https://onelabcentre.kk.usm.my	
	2. Nombor Staf adalah <i>default password</i> untuk pengguna. Nota: Pengguna boleh menukar kata laluan dengan mengakses laman web http://identiti.kk.usm.my/sessions/new . Amaran: • Jangan berkongsi kata laluan dengan mana-mana pihak. • Gunakan kombinasi huruf, nombor dan karakter khas seperti -, @ dan lain-lain semasa menetapkan kata laluan baharu bagi meningkatkan keselamatan akaun dan peranti.
	3. Kenal pasti lokasi klinik/wad yang berkaitan. 4. Pilih lokasi yang tepat dan sahkan pilihan tersebut. Nota: Setelah pengguna mengesahkan lokasi, pihak makmal akan merujuk sebarang isu berkaitan spesimen atau ujian, seperti penolakan spesimen dan keputusan panik (critical result), kepada lokasi yang telah dipilih
	5. Klik "Change Station" jika ingin menukar lokasi.
	6. Klik "Search Patient". 7. Masukkan RN pesakit yang dikehendaki.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	13 / 20
	Edisi	3

	8. Klik “Create Order”.
	9. Pada ruangan <i>Patient Demographic</i>, Masukkan No. MPM <i>clinician</i>. 10. Sila Pilih Makmal Patologi Oral. (ORALPATH-PATOLOGI ORAL). 11. Klik “Next” Nota: Jika pengguna adalah <i>clinician</i>, sistem akan <i>auto detect</i> MPM No.
	12. Pada ruangan Order Form Oral Path Test, sila pilih dimana lokasi spesimen diambil pada kolom “From”. Nota : Jangan tertukar dengan lokasi pesakit dirujuk di langkah 4.
	13. Kenal pasti “Type of case”. 14. Jika kes yang dipilih adalah <i>Urgent</i>, sila pilih nama Pakar Patologi Mulut (OP) Makmal Patologi Oral yang dihubungi pada kotak <i>Pathologist Notified</i>. 15. Sila pilih tarikh dan masa OP dihubungi pada kotak ‘Notified Date’. Nota: (i) Bagi kes USAINS, sama ada <i>type of case routine</i> atau <i>urgent</i>, sila hubungi dan maklumkan kepada OP bertugas. Isikan nama OP dan tarikh. (ii) Jika tidak terdapat maklumat seperti (13-14), maka spesimen tersebut tidak dikira sebagai kes <i>Urgent</i>.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	14 / 20
	Edisi	3

	16. Pada ruangan “Examination Required” Klik untuk pilih setiap maklumat di dalam kotak.
	17. Sila masukkan nombor telefon doktor yang merawat pesakit. Nota: No telefon bimbit / sambungan (ext)
	18. Sila masukkan “Clinical Information” pesakit.
	19. Sila masukkan “Clinical Diagnosis” Pesakit.
* Intra Operative Findings / Tagging of Specimen : <i>Please describe any relevant additional findings observed intraoperatively, if present. If specimen is tagged (eg: with suture), indicate which margin it represents.</i> Please enter Intra Operative Findings / Tagging of Specimen 20. Sila masukkan “Intra Operative Findings / Tagging of Specimen” Nota: - Sila nyatakan petunjuk setiap benang pada spesimen jika spesimen dihantar bersama benang. - Sila masukkan “NIL” jika tidak memerlukan sebarang maklumat.	

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	15 / 20
	Edisi	3

* Labelling of Specimen : <i>(Please ensure labelling of specimen tally with labelling on specimen bottle.)</i>	21. Sila masukkan "Labelling of Specimen" Nota : Sila pastikan label spesimen pada OPRF adalah sama dengan label pada botol spesimen.
---	---





* Radiological Findings : <i>(For hard tissue lesion, please provide all the imaging finding/s relevant to the case e.g OPG, Intraoral X-ray, CBCT, CT-Scan, ultrasound, etc)</i>	22. Sila masukkan "Radiological Findings" Nota: Sila masukkan "NIL" jika tidak memerlukan sebarang maklumat.
---	--

Oral Image : ** Instructions : 1. Print image --> 2. Draw o File : Choose File No file chosen	23. Sila muat turun satu gambar spesimen berbentuk lakaran gambar rajah ataupun yang berkaitan (jika perlu). Nota: 1. Print image --> 2. Draw on printed image --> 3. Choose file (.jpeg/.jpg/.png) --> 4. Submit
---	--

	24. Sila semak butiran yang diisi sekali lagi sebelum tekan "Submit" . Cetak OPRF, dan hantar OPRF bersama Spesimen ke kaunter Makmal Patologi Oral Nota: Tekan "Reset" jika ingin mengisi semula butiran.
--	--

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	16 / 20
	Edisi	3

10.0 Tatacara Pembatalan Ujian Histopatologi LIS

	1. Log in ke sistem menggunakan pautan : https://onelabcentre.kk.usm.my Nombor Staf adalah <i>default password</i> untuk pengguna.
	2. Klik " Search Patient ". 3. Masukkan RN pesakit yang dikehendaki.
	4. Pilih nama makmal Oral Path. 5. Di ruangan 'order status', pilih dan <i>double click</i> pada status " NEW ".
	6. Klik pada butang 'cancel order'

Cancel Request Form

Reason for cancellation:

Submit

Close

7. ‘Pop up Cancel Request Form’ akan dipaparkan.

8. Sila isi sebab permohonan dibatalkan.

9. Semak butiran sebelum tekan butang ‘submit’.

Order History

* Notes: The test results for CDL (Serology) and Microbiology Laboratory, can only be viewed by Chief Nurse (KJ), Doctor, and Physician.

CDL 0

CHEM. PATH 0

TDM 0

IMUNOLOGY 0

ENDOCRINE 0

MICROBIOLOGY 0

PHARMACOLOGY 0

ORAL PATH 2

HISTO PATH

TRANSFUSION UNIT

GPD 0

GENOME CENTRE

HEMATOLOGY

Copy

CSV

Excel

Print

PDF

Search:

#	Specimen Num.	Order Date	Clinic/Ward	Order Status	Test Name	Specimen Type	Order/Result Details	SUP. Report	REV. Report	Order Form	Sticker
1	G2024056	08-09-2024 10:30:38	GIGI-KPP	COMPLETE	HPE	Biopsy	View			Print	Print
2	-	05-09-2024 11:31:53	GIGI-KPP		HPE	Biopsy	View			Print	Print

Showing 1 to 2 of 2 entries

Previous

1

Next

* Abbreviation : SUP. = Supplementary; REV. = Revise




‘cancel order’ telah berjaya dilakukan.

Nota :
 Prosedur ini dilakukan dengan tujuan untuk mengelakkan kekeliruan pihak makmal apabila permohonan yang dilakukan berulang kali akan dipaparkan di dalam sistem LIS OPATH.




DOKUMEN TERKAWAL

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	18 / 20
	Edisi	3

11.0 Tatacara Semakan Laporan Keputusan Histopatologi

1. Log in ke sistem menggunakan pautan https://onelabcentre.kk.usm.my	
	2. Nombor Staf adalah <i>default password</i> untuk pengguna. Nota : Walaubagaimanapun, kata laluan boleh ditukar dengan melayari <i>link website</i> http://identiti.kk.usm.my/sessions/new Amaran : Jangan kongsi kata laluan. Gunakan pelbagai kombinasi huruf, nombor dan karakter khas seperti '-', '@' dll dalam menukar kata laluan bagi menguatkan keselamatan peranti dan akaun anda.
	3. Kenal pasti lokasi klinik / Wad. 4. Sila pilih lokasi dengan tepat.
	5. Klik "Search Patient". 6. Masukkan RN pesakit yang dikehendaki.
	7. Sila rujuk pada bahagian "Order History" Nota: <i>The test results for CDL (Serology) and Microbiology Laboratory, can only be viewed by Chief Nurse (KJ), Doctor, and Physician.</i>

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	19 / 20
	Edisi	3

	8. Klik makmal “Oral Path”. Nota: Nombor tersebut merujuk kepada jumlah keputusan laporan Histopatologi yang telah dimohon.
	9. Semua rekod laporan pesakit akan dipaparkan. Pilih nombor makmal pesakit yang ingin disemak. Seterusnya, klik “View” untuk melihat keputusan laporan. Nota: (i) Result Report : Laporan Keputusan Histopatologi (<i>Primary Report</i>) (ii) SUP.Report : Laporan tambahan yang dikeluarkan sekiranya terdapat maklumat tambahan setelah laporan keputusan histopatologi dikeluarkan. (iii) REV.Report : Laporan tambahan yang dikeluarkan sekiranya terdapat penemuan atau diagnosis baru yang dibuat setelah berlaku semakan semula kes, atau pindaan ekoran kesilapan pada laporan keputusan histopatologi yang telah dikeluarkan.
	10. Maklumat tambahan : (i) Borang Permohonan Ujian Histopatologi Oral (OPRF) boleh dicetak dengan klik “Print” di bahagian “Order Form” (ii) Klik “Print” di bahagian “Sticker” untuk mencetak <i>sticker</i>.

MAKMAL PATOLOGI ORAL, HOSPITAL PAKAR UNIVERSITI SAINS MALAYSIA		
BUKU PERKHIDMATAN MAKMAL (HPUSM/OPATH/BPM)	Muka surat	20 / 20
	Edisi	3

12.0 CARTA ALIR PROSES KERJA MAKMAL PATOLOGI ORAL

